



FELDA

HOMESTAY FELDA 2019

Pengalaman Inap Desa Sebenar

PELAKSANAAN HOMESTAY FELDA

Bermula seawal tahun 2001, antara rancangan yang terawal melaksanakan homestay di FELDA ialah FELDA Semenchu, Kota Tinggi, Johor. Sehingga April 2019, program homestay FELDA telah melibatkan seramai 692 orang peneroka dengan jumlah homestay sebanyak 890 buah.

Objektif utama pelaksanaan Program Homestay di FELDA ialah untuk menambah pendapatan warga peneroka yang menyertai program homestay disamping mewujudkan peluang pekerjaan dan perniagaan kepada warga peneroka terutamanya kepada generasi baru di rancangan.

Semua permohonan untuk berdaftar hendaklah dibuat melalui Borang Permohonan Homestay (boleh diperolehi di pejabat pelancongan negeri) dan diserahkan ke Pejabat Kementerian Pelancongan Negeri (PKPLN) yang berdekatan.

Pihak KPL akan membuat pemeriksaan rumah setiap 3 tahun sekali manakala pihak PKPLN akan membuat pemeriksaan setiap suku tahun terhadap homestay di negeri masing-masing.

OBJEKTIF PELAKSANAAN PROGRAM HOMESTAY DI FELDA

(i) Masyarakat FELDA:

- a. Menambah pendapatan warga peneroka yang menyertai program homestay.
- b. Mewujudkan peluang pekerjaan dan perniagaan kepada warga peneroka terutamanya kepada generasi baru di rancangan.
- c. Mendorong pembangunan ekonomi di rancangan.

(i) Para pelancong:

- a. Menyediakan pengalaman unik kepada para pelancong yang berminat untuk mengalami kehidupan serta kebudayaan masyarakat desa.
- b. Mewujudkan produk pelancongan hospitaliti desa dengan harga yang kompetitif dan bertaraf antarabangsa.

GARIS PANDUAN PENDAFTARAN HOMESTAY

Mempunyai Jawatankuasa Homestay Peringkat Rancangan



Harus mempunyai sekurang-kurangnya 10 buah rumah bagi setiap homestay



Mempunyai kemudahsampaian dari segi perhubungan dan pengangkutan accessibility



Mempunyai sikap *act and think tourism*.



Menjamin tahap kebersihan dan keselamatan yang optimum



Melibatkan aktiviti-aktiviti masyarakat desa seperti pertandingan memancing, aktiviti menoreh getah dan menuai sawit



Permainan sukan tradisional dan kebudayaan seperti congkak, sepak raga, caklempong dan tarian rakyat

GARIS PANDUAN PENDAFTARAN HOMESTAY

Bagi memastikan kejayaan program ini, semua peserta yang terlibat adalah dikehendaki:

- a. Berdaftar dengan Kementerian Pelancongan Malaysia (KPL); dan
- b. Berurusan dengan agensi pelancongan yang dilesenkan di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan harga, makanan, pengangkutan dan hal-hal yang melibatkan pakej lawatan.

Agensi pelancongan yang turut serta hendaklah memberi khidmat yang sesuai termasuk membuat tempahan, menyediakan pengangkutan, membuat promosi di dalam dan luar negeri dan lain-lain perkhidmatan yang perlu.

Semua permohonan untuk berdaftar hendaklah dibuat melalui **Borang Permohonan Homestay** dan diserahkan ke **Pejabat Kementerian Pelancongan Negeri (PKPLN)** yang berdekatan.

Sebelum dianugerahkan lesen homestay pengusaha perlu :

- a. Lulus pemeriksaan rumah yang diselia oleh Kementerian Pelancongan(KPL) melalui Pejabat Kementerian Pelancongan Negeri (PKPLN) dengan kerjasama Jabatan Kesihatan, Tourism Malaysia, JKRR dan Persatuan Homestay Negeri.
- b. Menghadiri Kursus Asas Homestay anjuran Institut Kemahiran Desa (INFRA), Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Pihak KPL akan membuat pemeriksaan rumah setiap 3 tahun sekali manakala pihak PKPLN akan membuat pemeriksaan setiap suku tahun terhadap homestay di negeri masing-masing.

PERNIAGAAN HOMESTAY

Rumah Homestay

Kadar caj penginapan rumah homestay hendaklah dipersetujui bersama oleh Jawatankuasa Homestay Peringkat Rancangan.

Kedai Cenderamata

Jawatankuasa Homestay Peringkat Rancangan digalakkan mewujudkan kedai cenderamata yang menjual produk-produk makanan dan kraf keluaran penduduk tempatan.

Tarikan Tempatan

Jawatankuasa Homestay Peringkat Rancangan perlu mewujudkan sekurang-kurangnya *satu jenis* produk tempatan yang unik dan asli samada produk kraf ataupun makanan. Produk ini boleh dipromosikan dan dijual kepada pelancong homestay.

Pakej Pelancongan

Jawatankuasa Homestay Peringkat Rancangan perlu melibatkan warga setempat dan memberi peluang kepada golongan belia bagi menganjurkan program-program berikut:

- Pengalaman ke Ladang
- Persembahan Kebudayaan
- Permainan Tradisional

KEUNIKAN HOMESTAY FELDA



KEUNIKAN HOMESTAY FELDA

